

Kerajaan mahu rombak sistem pendidikan prasekolah

B/H 27/11/2017

M/S 6

➔ Selaras kurikulum, sukatan pelajaran, tetap gaji minimum guru

Oleh Shamsul Kamal
Amarudin dan Farah
Suhaidah Othman
bhnews@bh.com.my

Bagan Datuk

Kerajaan akan merombak sistem pendidikan prasekolah, termasuk menyelaraskan kurikulum dan sukatan pelajaran serta menetapkan had gaji minimum gurunya.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata perubahan ini termasuk mewajibkan semua bakal guru prasekolah menghadiri kursus jangka

pendek sekurang-kurangnya tiga bulan bagi melayakkan mereka mengajar.

Ada kepelbagaian kurikulum

“Ketika ini, pendidikan awal persekolahan atau prasekolah dikenaldikan Jabatan Pendidikan, Jabatan Perpaduan Negara, Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) dan pihak swasta.

“Jadi, ada kepelbagaian kurikulum, sukatan pelajaran dan skim gaji berbeza bergantung kepada pengusaha atau organisasi yang melaksanakan pendidikan di prasekolah,” katanya pada sidang media selepas merasmikan majlis pe-



Ahmad Zahid memberi ais krim percuma kepada kanak-kanak selepas merasmikan Karnival Sukan Prasekolah Bagan Datuk, semalam.

cah tanah pembinaan Politeknik Bagan Datuk, di sini, semalam.

Ahmad Zahid berkata, keputusan itu dicapai dalam mesyuarat Majlis Sosial-Negara yang dipengeruskannya kelmarin, dengan Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri, menjadi penyelaras usaha itu.

Katanya, ketika ini guru prasekolah diambil daripada lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang tiada latar belakang pedagogi dan pendidikan pengajaran.

Beliau berkata, ia bertujuan untuk memberikan keberhasilan dalam pembentukan sahsiah atau personaliti kepada kanak-kanak se-

belum memasuki alam persekolahan sebenar.

Ditanya mengenai prasekolah elit, termasuk sekolah antarabangsa yang mungkin tidak bersetuju kerana sudah mempunyai sukatan pelajaran sendiri, Ahmad Zahid berkata, mereka harus mengikuti garis minimum yang ditetapkan tetapi dibolehkan menetapkan piawaian dan standard lebih tinggi.

Terdahulu, ketika berucap merasmikan Karnival Sukan Prasekolah Bagan Datuk, beliau berkata, guru TADIKa dan prasekolah kerajaan serta swasta perlu diberi skim gaji khas agar mereka menikmati sekurang-kurangnya gaji

minimum dan tidak tersenarai di bawah garis kemiskinan.

Dapat gaji setimpal

Beliau berkata, kerajaan mahu guru TADIKa dan prasekolah mendapat gaji setimpal agar jiwa mereka tenang dan fokus dalam mendidik anak mencapai pendidikan cemerlang.

“Hasrat kerajaan adalah membantu guru ini yang selama ini terpinggir dan diketepikan, kita mahu mereka diberikan skim gaji khas walaupun tidak menyamai skim guru di sekolah kerajaan sedia ada, tetapi sekurang-kurangnya nasib mereka terbela,” katanya.